

PM kesal radar tidak diawasi

LTAB

Oleh Izman Ismail dan Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Selasa - Kebakaran di bilik radar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (LTAB) di Subang tidak sepatutnya berlaku jika pihak pengurusan melaksanakan semua langkah perlindungan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pihak pengurusan LTAB sepatutnya mengawasi dan mengambil tindakan mencegah kebakaran bagi mengelakkan sebarang kejadian buruk.

"Saya dukacita. Sepatutnya perkara semacam ini diawasi. Pihak yang bertanggungjawab perlu membuat segala persediaan termasuk tindakan awal mencegah kebakaran," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kompleks kilang Sapura-Nokia Telecommunications dan Sapura Electronic Industries Sdn Bhd di sini, hari ini. Hadir sama ialah Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Mohd Tajol Rosli.

Bilik sistem radar utama LTAB yang menempatkan radar jenis Thomson-CSF bernilai RM16.5 juta di Bukit Subang, berdekatan terminal tiga, musnah dalam kebakaran, Sabtu lalu.

Berikutan itu, penerbangan domestik dan antarabangsa terpaksa ditangguhkan di antara 20 hingga 40 minit. Radar baru hanya dijangka diterima dalam tempoh enam bulan.

Sebelum ini, LTAB terbabit dalam dua kebakaran besar. Kebakaran pertama berlaku pada April 1992 mengakibatkan tiga kakitangan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) terbunuh dan 29 kedai bebas cukai musnah.

Kebakaran kedua pula pada Oktober, 1992 memusnahkan keseluruhan sistem radar dan perhubungan LTAB.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kerajaan mungkin membekalkan sistem radar mudah alih kepada LTAB untuk mengatasi masalah kelewatan penerbangan sekarang.

Menurutnya, itu hanya langkah sementara sebagai pilihan kecemasan untuk mengatasi kelewatan sehingga kerosakan radar utama diperbaiki.

Katanya, Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Kementerian Kewangan akan berbincang kemungkinan memberi peruntukan kepada DCA bagi radar mudah alih itu.

"Radar mudah alih itu akan digunakan bagi mengatasi masalah penangguhan penerbangan yang semakin meruncing," katanya kepada pemberita di pejabatnya, di sini, hari ini.

Dr Ling berkata, kerajaan berusaha mendapatkan sistem radar mudah alih itu bagi memastikan semua penerbangan kembali beroperasi seperti biasa.

"Lagipun, kerosakan yang berlaku pada sistem radar utama itu mengambil masa untuk dibaiki dan radar gantian harus digunakan buat semen-

Radar LTAB tidak diawasi

DARI MUKA 1

tara waktu.

"Kerajaan sedang mengkaji beberapa pilihan yang boleh diambil kerana sistem radar mudah alih itu sukar didapati di Eropah," katanya.

Beliau berkata, antara pilihan lain ialah menggunakan sistem radar Tentera Udara Diraja Malaysia dan sistem radar di Genting Highlands.

Sebelum itu, Dr Ling meninjau tempat kejadian dan diberi penerangan oleh pegawai DCA dan Penerbangan Malaysia (MAS).

Menurutnya, hasil kajian menunjukkan hanya sebahagian kecil daripada sistem radar itu yang terjejas akibat kebakaran itu.

"Sistem radar yang terjejas itu berupaya mengawasi sebanyak 18 penerbangan setiap jam tetapi kini ia berkurangan kepada 10 penerbangan saja," katanya.

Katanya, kerajaan memberi keutamaan kepada penerbangan antarabangsa bagi memastikan penumpang transit meneruskan penerbangan dan pesawat itu dapat mengisi minyak.

Dr Ling berkata, kajian oleh pihak terbabit mengenal pasti lintar pintas pada sistem pendawaian pendingin hawa sebagai punca kebakaran itu.

Menurutnya, kebakaran itu dipadamkan setengah jam selepas ia bermula selepas dikesan oleh Sistem Pengawasan Kawalan Jauh (RCMS) pada jam 8 malam itu.

Beliau turut menafikan tuduhan pihak tertentu yang mengatakan DCA mendiamkan diri mengenai seriusnya kebakaran dan kerugian yang ditanggungnya.